

AMALAN PERUBATAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN DALAM MASYARAKAT: KE ARAH INTEGRASI ANTARA PERUBATAN ISLAM DAN PERUBATAN MODEN

Oleh:
Abdullah Yusof¹

Abstrak

Kertas ini akan mengupas tentang beberapa amalan perubatan dan penjagaan kesihatan yang diamalkan oleh manusia dalam sejarah peradaban dan bagaimana petunjuk yang diambil dari sumber al-Quran dan al-Hadith Nabi saw digali untuk dipraktikkan dalam kehidupan manusia. Islam amat menitikberatkan penjagaan kesihatan bukan sahaja dari aspek tubuh badan, bahkan dari aspek spritual dan kerohanian. Justeru itu kertas ini akan mengemukakan beberapa saranan yang diambil dari dalil-dalil tersebut yang seharusnya diberi perhatian khusus oleh para pengamal kesihatan dan perubatan serta orang ramai. Ekoran perkembangan ilmu sains khususnya sains perubatan dan kesihatan telah melahirkan ramai pakar dalam pelbagai disiplin berkaitan. Kini banyak hospital yang menawarkan khidmat perubatan dan kesihatan bersifat alopati dan dalam masa sama wujudnya hospital yang menawarkan khidmat perubatan alternatif dan komplementari. Namun demikian, amalan tersebut yang dipraktikkan oleh Nabi saw seakan terpinggir sedangkan ianya adalah sunnah yang sepatutnya dilestarikan dalam kehidupan manusia, khasnya umat Islam. Pembentangan ini akan mengemukakan argumentasi dan rekomendasi kenapa perlunya perubatan moden yang bersifat alopati perlu diintegrasikan dengan perubatan Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith menerusi petunjuk yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw dan diwarisi oleh sebahagian para pengamal tibb- al-Nabi sehingga ke hari ini. Islam mengiktiraf hasil penemuan sains selagi tidak bercanggah dengan aqidah dan hukum syarak dan amalan perubatan dan kesihatan Islam perlu diperkenalkan bukan sahaja dalam kalangan umat Islam bahkan umat manusia seluruhnya. Beberapa contoh yang dikemukakan akan membuktikan bahawa hal ini sekiranya dimalkan dengan yakin dan ikhlas dan mengharapkan pertolongan dan keizinan Allah swt, tiada penyakit atau masalah yang tidak boleh diselesaikan.

Kata Kunci: *Amalan Perubatan dan Kesihatan Islam, Integrasi Perubatan Islam-Perubatan Moden.*

¹Abdullah Yusof, Ph.D, Senior Lecturer, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
0136720840 , abdy@um.edu.my Pensyarah Kanan APIUM yang juga pengamal perubatan Islam Holistik Kontemporari.

Pendahuluan

Kertas ini akan membincangkan aspek penjagaan kesihatan dan perubatan yang bertujuan untuk mempertahankan kesejahteraan tubuh badan, mental dan rohani serta usaha-usaha penyembuhan menerusi amalan perubatan². Pada masa kini terdapat dua cabang amalan iaitu bersifat konvensional dan bukan konvensional. Ada juga yang menggolongkannya kepada moden dan tradisional dan juga yang membahagikannya kepada Alopati dan alternatif. Biar apapun pembahagian yang dilakukan ianya merujuk kepada amalan yang terdapat persamaan dan perbezaan dari segi konsep, praktik, kaedah amalan dan bahan-bahan rawatan yang digunakan termasuk juga peralatan. Fokus perbincangan ialah berkaitan amalan perubatan Islam dan perubatan moden atau alopati, khususnya di negara ini.

Kesihatan adalah disifatkan sebagai keadaan sejahtera dari badan, jiwa, dan sosial yang memungkinkan setiap orang hidup secara normal dan produktif dalam masyarakat. Pemeliharaan kesihatan dan pencegahan gangguan kesihatan memerlukan pemeriksaan, pengubatan dan/atau perawatan termasuk kehamilan, dan persalinan. Penjagaan kesihatan adalah proses membantu seseorang, dengan bertindak secara sendiri ataupun secara kolektif untuk membuat keputusan berdasarkan pengetahuan mengenai hal-hal yang memengaruhi kesihatan pribadinya dan orang lain³.

Perubatan pula merujuk kepada usaha atau ikhtiar atau amalan yang dilakukan oleh pengamal yang mahir dan berkelayakan untuk menjalankan prosedur⁴ yang ditetapkan agar seseorang yang melalui gangguan kesihatan dapat pulihkan seperti sedia kala atau lebih baik berbanding sebelumnya. Para pengamal menggunakan kaedah atau teknik tertentu yang dibantu oleh peralatan dan bahan rawatan yang sesuai ke atas pesakit⁵. Secara umumnya ianya adalah dua cabang perubatan yang berbeza dalam beberapa aspek, namun terdapat beberapa aspek persamaan terutama dari segi tujuan dan jenis-jenis penyakit atau masalah kesihatan yang dihadapi oleh orang ramai. Perbincangan akan cuba membuka ruang untuk tujuan integrasi antara kedua-dua cabang ini agar anggota masyarakat mendapat manfaat yang besar dan saling melengkapi antara satu sama lain. Meskipun kesihatan (health/wellness) dan perubatan (medical /

2 Lihat selengkapnya dalam Amina Hj. Noor (2003) Amalan Penjagaan Kesihatan dan Merawat Penyakit siri 1 & 2,

Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

3 Lihat Hanafi Ismail dan Sadali Othman (2004), Kenali Gejala Penyakit dan Rawatannya, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers yang menyenaraikan kategori dan senarai penyakit mengikut abjad.

4 Lihat Ishak Md Sood et.al (1991) Panduan Prosedur Perubatan, Kuala Lumpur: DBP.

5 Juga Cham Cheng (1997), Rawatan Kecemasan Perubatan, Kuala Lumpur: DBP.

healing) adalah dua terma yang berbeza namun tujuan utama ialah meningkatkan kualiti hidup agar manusia terhindar dari gangguan kesihatan dan amalan perubatan dapat memainkan peranan ke arah tersebut.

Konsep Perubatan Islam dan Perubatan Moden (Alopati)

Konsep perubatan Islam⁶ adalah jelas iaitu amalan pengubatan yang berpandukan petunjuk al-Quran dan al-Hadith menerusi contoh yang dibawa oleh Nabi Muhammad saw, para sahabat r.a dan para salaf al-salih bertujuan mengubati orang ramai dari pelbagai penyakit baik bersifat fizikal (Amrad al-Abdan) mahupun bersifat spritual atau kerohanian (Amrad al-Qulub). Perubatan moden atau alopati pula merupakan kaedah perubatan yang bersifat saintifik, memerlukan pembuktian dan rasionalisasi⁷. Konsep ikhtiar dan tawakkal kepada Allah saw ditekankan dalam perubatan Islam dengan berpegang kepada banyak nas atau dalil, antaranya setiap penyakit yang diturunkan oleh Allah swt tentu diturunkan ubat atau penawarnya dan al-Quran sendiri adalah al-Syifa' atau penyembuh. Kesembuhan adalah milik Allah dan sekiranya Allah mengizinkan seseorang itu sembuh maka dia tetap akan sembuh, sedangkan perubatan moden hanya akan merujuk kepada pembuktian secara saintifik tanpa mengaitkan dengan sebarang peranan oleh pencipta, iaitu Allah swt. Ini merupakan antara perbezaan asas antara perubatan Islam dan perubatan moden. Pada masa kini ramai para pengamal khususnya yang muslim menyedari hal ini dan menyedari bahawa Allah swt memiliki kuasa penyembuhan mutlak. Dari segi penggunaan instrumen termasuk peralatan dan bahan rawatan, Islam samasekali tidak menegah selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak dan aqidah. Ramai orang menyangka bahawa perubatan Islam hanya memerlukan doa atau ruqyah menerusi doa-doa yang dipetik dari al-Quran dan al-hadith sahaja⁸, sedangkan tidak sedemikian halnya kerana terdapat metod, teknik dan bahan rawatan turut digunakan bergantung pada kes-kes yang dihadapi oleh pesakit.

6 Lihat Sya`ban Ahmad Salim (2012) Mausu`ah al-Ilaj bi al-Quran wa al-Adhkar, Sukoharjo: Pustaka Arafah.

7 Lihat juga Mohd Hilmi Abdullah (2007), Rawatan Umum Dalam Perubatan Ibnu Sina, Kota Bharu: Pustaka Hilmi.

8 Abu Abi al-Fada, (2012), Alij Nafsaka bi al-Quran, terj. Batu Vaces: al-Hidayah Publications.

Kategori dan Klasifikasi Penyakit

Dalam al-Quran, lafaz al-syifa' atau merujuk kepada syifa' disebut sebanyak enam kali di beberapa tempat. Selain itu terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh manusia termasuk penyakit-penyakit berkaitan hati, jiwa, akal fikiran dan sebagainya yang turut memberi kesan terhadap kesejahteraan fizikal dan spritual manusia. Selain itu terdapat petunjuk berkaitan peranan dan angkara atau gangguan makhluk halus terhadap manusia baik yang disifatkan sebagai iblis, jin, syaitan, qarin dan sebagainya. Hal-hal yang ghaib seperti ini wajib orang Islam mempercayainya sedangkan ianya di luar jangkauan perubatan moden. Ini bermakna masalah atau penyakit yang berpunca dari gangguan makhluk ghaib tidak dimasukkan dalam kurikulum pengajian perubatan moden⁹. Hasilnya menimbulkan paradigma bahawa kejadian berupa gangguan mental, jiwa dan sebahagian penyakit kronik yang berpunca dari karenah makhluk tersebut dikaitkan dengan faktor-faktor lain. Perubatan Islam pula diserahkan menangani kes-kes gangguan ini kerana perubatan moden amat bergantung kepada pembuktian saintifik apatah lagi untuk mengaitkan sebarang penyakit dengan peranan makhluk ghaib. Secara umumnya terdapat dua klasifikasi penyakit iaitu penyakit fizikal dan penyakit spiritual atau rohani. Setiap kategori ini pula boleh dijeniskan kepada beberapa kumpulan. Kedua-duanya berupaya ditangani baik menerusi perubatan moden mahupun perubatan Islam. Kategori lain ialah penyakit berkaitan makhluk halus yang tiada prosedur rawatannya dalam perubatan moden. Namun demikian, kini ramai pengamal perubatan moden baik di Barat mahupun di Timur turut mempercayai sebahagian penyakit berpunca dari makhluk halus setelah siri diagnosis yang dilakukan gagal mencari punca penyakit tersebut.

Latihan dan Kelayakan Pengamal

Para pengamal perubatan moden melalui tempuh pengajian dan latihan secara sistematik, mengikuti prosedur yang seragam dan mematuhi etika profesionalisme serta diberi lesen amalan yang perlu diperbaharui dalam setiap tempoh tertentu untuk melayakkan mereka menjalankan amalan perubatan di klinik, hospital atau mana-mana pusat perubatan. Mereka turut menjadi ahli atau anggota badan atau majlis perubatan yang diiktiraf dan berautoriti. Pada hari ini terdapat 38 akta termasuk ordinan yang berkaitan dengan amalan kesihatan dan perubatan di negara ini di mana setiap pelanggaran membolehkan pengamal didakwa atas kesalahan tertentu. Sebagai

⁹ Selanjutnya lihat Muhammad Dhani (2011), terj. 57 Penyakit Berbahaya dan Rawatannya, Batu Caves: al-Hidayah Publishers.

contoh pengamal perubatan moden tidak boleh dalam masa sama menjalankan rawatan perubatan alternatif atau komplementari. Mereka juga tidak dibenarkan membekalkan bahan ubatan tertentu khususnya yang berasaskan herba atau tumbuhan bertentangan dengan etika dan berlawanan dengan perinsip WHO10.

Para pengamal perubatan Islam pula lazimnya bebas menjalankan amalan berdasarkan latar belakang perguruan masing-masing termasuk kaedah atau teknik, ayat-ayat ruqyah serta bahan rawatan yang digunakan. Ini bermakna prosedur rawatan mungkin berbeza dan fokus rawatan mungkin ke atas penyakit tertentu sahaja. Tiada tahap penilaian dan piawaian tertentu digunakan untuk memberi akreditasi dan tiada lesen amalan dikeluarkan kerana belum wujud badan atau majlis pengamal dibentuk. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2013 telah diluluskan oleh parlimen namun sehigga kini Menteri Kesihatan belum memutuskan tarikh bila akta berkenaan mula berkuatkuasa. Justeru itu pengamal perubatan Islam sebahagiannya hanya berdaftar dan bernaung di bawah Gappima (Gabungan Pengamal Perubatan Islam Malaysia) yang penaungnya ialah mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Perubatan Islam diletakkan sebagai salah satu dari lapan cabang perubatan tradisional dan komplementari (TCM) di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Potensi dan Posibiliti Integrasi

Semua pihak, khasnya persatuan atau badan pengamal perlu berlapang dada untuk membuka ruang integrasi dan saling melengkapi antara satu sama lain. Antara yang boleh dilakukan ialah menerusi perkongsian ilmu, pengalaman dan kepakaran. Usaha ini telah mula dirintis oleh pihak UKM yang pada 11 November 2015 adalah siri ketujuh wacana diadakan berkaitan perubatan Islam yang turut menghimpun beberapa pakar dan profesor dalam bidang perubatan moden, pakar bedah, pakar farmakologi, herbalis, ahli psikiatri dan lain-lain selain para pakar perubatan Islam. Perbincangan meliputi konsep, teknik, simptom, kaedah rawatan, aspek nosologi, penglibatan makhluk halus dalam mencetuskan penyakit dan pelbagai isu berkaitan perubatan moden dan Islam. Semoga usaha ini akan membuahkan hasil yang positif ke arah integrasi antara kedua cabang perubatan tersebut.

10 Rujuk Sudibdo Soepardi (2001), Code Etik Kedokteran Islam, Jakarta: Akademia Pressindo. Ini merupakan antara kod etika pertama diterbitkan sebagai panduan untuk pengamal perubatan muslim.

Cadangan dan kekangan

Perubatan moden perlu menilai dan memahami bagaimana konsep perubatan Islam boleh diterapkan dalam amalan perubatan di klinik dan hospital dan bagaimana elemen berkaitan Islam boleh diselitkan dalam kurikulum pengajian di fakulti-fakulti perubatan di negara ini. Menyedari bahawa perubatan Islam mampu menangani kes-kes tertentu akan membuka jalan ke arah kerjasama sehingga integrasi dalam aspek-aspek tertentu boleh dilakukan. Ini termasuk kajian dan penyelidikan boleh dilakukan secara bersama seperti untuk melihat tahap dan indeks mental disorders ke atas para pesakit dengan menggunakan instrumen peralatan dan teknologi perubatan. Ini termasuk untuk memahami simptom penyakit kronik tertentu atau kaedah diagnosis yang dilakukan. Pengamal perubatan moden pula boleh mempelajari serta menghafal teks ruqyah atau doa tertentu untuk digunakan dalam sesi rawatan dan sebagainya.

Para pengamal perubatan Islam pula perlu menambah ilmu dan maklumat berkaitan perubatan moden dengan segala bidang berkaitan seperti bio-perubatan, farmakologi dan lain-lain ¹¹ . Menghadiri seminar dan konferens berkaitan serta berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan pengamal perubatan moden akan memberi input bermanfaat. Semua ini akan menghilangkan sifat prejudis antara mereka dan akhirnya akan wujud sikap saling menghormati antara dua dua cabang profesyen tersebut.

Tidak dinafikan peranan TCM, KKM perlu diperhalusi skopnya dan menyediakan ruang rawatan secara Islam dilakukan sebagai perubatan sokongan khasnya di hospital dan klinik kerajaan. Pihak JAKIM juga perlu kehadiran untuk menjadi penggerak dengan sokongan Gappima dan semua pengamal agar kedua cabang perubatan ini boleh saling melengkapi dalam memberi perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada masyarakat. Akta TCM mungkin perlu disemak semula untuk memantapkan konsep, prosedur dan amalan agar tidak timbul kontradiksi khasnya berkaitan terma tradisional, alternatif dan komplementari di mana perubatan Islam seharusnya diamalkan secara holistik, moden dan kontemporari¹². Ekoran itu badan atau majlis pengamal perlu dibentuk segera sepertimana dikehendaki di bawah Akta untuk tujuan memulihara agar perubatan atau pengubatan Islam diletakkan di tempat sewajarnya sesuai ianya menjadi sunnah Nabi saw yang perlu dilestarikan amalannya.

¹¹ Umpamanya boleh lihat dalam Abu Jaafar Mukmir (2001). Keajaiban Organ Tubuh Manusia menurut Perspektif Islam dan Sains, Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.

¹² Lihat penyenaaran dan kaedah rawatan yang dikemukakan oleh H.Arief Hariana (2009), 812 Resep Untuk mengobati 236 Penyakit, Jakarta: Penerbit Swidaya.

Antara kekangan yang masih wujud ialah kontradiksi berkaitan konsep, prinsip, etika dan prosedur antara perubatan Islam dan penaktifan yang diberi oleh WHO. Adakah WHO mengiktiraf perubatan ini dengan segala klasifikasi yang terdapat di dalamnya. Kertas ini hanya mengemukakan cadangan dan menggariskan beberapa isu yang boleh diperhalusi perbincangan kemudiannya. Sebagai seorang pengamal, pengajar dan penyelidik dalam bidang perubatan Islam, dan perkongsian maklumat dengan rakan-rakan dalam perubatan moden, saya optimis bahawa integrasi boleh dilakukan dalam beberapa ruang sedia ada sekiranya disertai dengan niat yang murni dan ikhlas. Syarat utama ialah ianya tidak bercanggah dengan hukum syarak¹³ dan tidak juga menjejaskan aqidah baik pengamal mahupun orang ramai.

Penutup

Nabi Muhammad saw, bukan sekadar nabi dan rasul, bahkan seorang doktor¹⁴ yang membawa rahmat ke seluruh alam. Melalui banyak petunjuk dan contoh diberikan menerusi nas, membuktikan Baginda saw adalah doktor terbaik. Selain menggunakan metode doa atau ruqyah, Baginda turut menyarankan penggunaan bahan tanaman atau tumbuhan (buah, daun, biji, kulit batang, bunga, akar dsb), tanah tanih, bahan galian, hasil tenusu, cecair, sumber makanan¹⁵ dan lain-lain sepertimana diberi dalilnya menerusi al-Quran dan al-Hadith¹⁶. Begitu juga banyak dalil berkaitan amalan hijamah@Cupping atau bekam merupakan isyarat bahawa pembedahan atau operasi perlu dilakukan dalam situasi tertentu untuk menyembuhkan penyakit berkaitan darah, sel dan sebagainya.

Ekoran itu lahirlah para sarjana perubatan Islam yang membuat kajian dan penyelidikan sehingga menghasilkan instrumen perubatan dan alatan pembedahan, farmakologi, ubatan dan sebagainya. Juga mereka berjaya membina hospital atau maristan sebagai institusi kesihatan dan perubatan dalam masyarakat. Makmal dan pusat kajian perubatan lahir dalam peradaban Islam sehingga mengkagumkan dunia baik di Barat mahupun di Timur. Ramai sarjana perubatan di Eropah dan seluruh dunia memanfaatkan karya-karya dalam bidang perubatan yang dihasilkan oleh sarjana

Islam seperti Ibn Sina, al-Razi dan al-Kindi berkurun-kurun lamanya. Hari ini umat Islam kehilangan banyak permata ilmu berharga yang dibawa ke Barat dan mereka pula membina acuan perubatan moden atau alopati. Sekiranya tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Nah, marilah kita berusaha dan menyokong usaha-usaha ke arah pengintegrasian amalan dalam perubatan Islam dan perubatan moden.

13 Untuk detail lihat keseluruhan dalam Bahar Anwar et. Al (2005), Fikih Kesihatan, dari ibadat, pengobatan sampai penyakit flu burung, Pangerang: QuntumMedia.

14 Ahmad Ubaidillah (2013), Rasulullah Seorang Doktor, Pustaka Ibn Kathir Sdn. Bhd.; juga Jerry D. Gray (2014), Rasulullah is My Doctor, Kuala Lumpur: PTS ISLAMIKA SDN. BHD.

15 Lihat juga Sri Titin (2012) terj. Makanan dan Minuman Untuk Menyembuhkan Pelbagai Penyakit, Batu Caves: al-Risalah Product Sdn Bhd.

16 Lihat umpamanya dalam Che Wan Jasimah (2003), Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan, Pendekatan Islam dan Sains, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Publishers.

Nota:

Lihat artikel tersebut dalam buku prosiding ISU-ISU DAN CABARAN TAMADUN ISLAM (hlm 170-177) terbitan Jabatan Sejarah & Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Dengan Kerjasama: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Wilayah Persekutuan Putrajaya © 2015, Hak Cipta Terpelihara.

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh dicetak semula, disalin atau dipindah dengan apa jua cara sekalipun, sama ada dengan komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada penerbitnya secara bertulis